

# JANGAN PERCAYA KEPADA KAHIN (BOMOH)

Barangsiapa datang kepada tukang tilik atau kahin (bomoh) lalu membenarkan apa yang dikatakan olehnya maka ia telah mengkufuri apa yang telah diturunkan kepada Muhammad”- Maksud hadith Riwayat Aḥmad dan al-Ḥakim daripada Abū Hurairah .

Di antara perkara yang membahayakan bagi kepercayaan manusia Tuhannya ; Dan di antara perkara yang dapat merosakkan “Tawhid” umat Islam kepada Allah subḥānahu wa ta‘ālā ialah percaya kepada “*kahin*” perkataan “*kahin*” (bunyiya Kahin) ini asalnya daripada bahasa Arab, ertinya mengikut lughah ialah menengok-nengokkan orang. Lalu perkataan “*kahin*” itu terpakai bagi nama orang yang pandai menengok-nengokkan orang lain yang bertanya kepadanya tentang sesuatu yang tak mungkin dilihat oleh mata kepala, ataupun perkara yang ghaib.

Bahaya percaya kepada *Kahin*

Oleh Haji Sanwār Khalīl  
(Dipetik daripada Harian Abadi Jakarta)

Perkataan ini terpakai juga untuk nama bagi orang tua yang tenung (tukang tilik) tukang jampi ialah nama bagi tukang sihir. Tukang tilik, tukang jampi dan orang yang suka menerangkan nasib orang lain atau menyebut tentang untung orang yang bertanya kepadanya.

Jika kita balik kepada beberapa riwayat (hadis) yang menerangkan tentang “*kahin*” kita akan faham bahawa adanya *kahin* dalam lingkungan masyarakat umat manusia sedia ada semenjak daripada zaman purbakala. Tidak berbeza dengan adanya tukang sihir atau tukang tenung; dan semenjak *kahin* ini termasuk golongan tukang sihir. Nabi Muhammad (SAW) dalam menjelaskan tentang bahaya “*kahin*” itu adalah bersamaan dengan penjelasan tentang bahaya “*sihir*” (tukang sihir) di antaranya sabda Nabi menerangkan tentang *kahin* ialah sebagaimana hadith yang tertera di atas dan ada pula hadith yang maksudnya seperti berikut :

“Barangsiapa mendatangi ‘Arāf atau tukang sihir, tukang tenung ia percaya yang dikatakan olehnya maka sesungguhnya ia telah mengkufuri kepada apa yang telah diturunkan kepada

Muhammad (SAW)” – Hadis riwayat Ṭabrānī dari Ibn Mas‘ūd raḍī Allāh ‘anh.

Maksudnya: Orang yang datang kepada tukang tilik, tukang sihir atau *kahin* lalu ia percaya kepadanya tentang sesuatu hal yang ghaib, sesuatu perkara yang sesungguhnya tidak ada yang mengetahui selain daripada Allah, lalu percaya dan membenarkan segala yang dikatakan olehnya, maka seketika itu ia telah mengkufuri, atau mengingkari pada wahyu (al-Quran) yang telah diturunkan ke atas Nabi Muhammad (SAW) – atau dapat juga dikenakan bahawa seketika itu ia tidak beriman lagi kepada al-Quran.

Mengapa demikian? Kerana kalau orang yang beriman (percaya) kepada al-Quran bahawa al-Quran itu wahyu yang diturunkan atas peribadi Muhammad (SAW), nescaya ia tidak berbuat demikian, tidak akan percaya kepada perkataan tukang tenung, atau tidak akan membenarkan bualan si *Kahin* (tukang tenung) dan si ‘Arāf (tukang tilik) tadi.

Ada pula beberapa riwayat lagi yang di antaranya bermakna sebagai berikut: “Barangsiapa mendatangi *kahin-kahin* lalu ia membenarkan pada suatu barang yang dikatakan olehnya maka sesungguhnya ia telah mengkufuri apa yang telah diturunkan keatas Muhammad (SAW) – Maksud hadis riwayat Bzār daripada Jābar Bin ‘Abdul Alālāh raḍī Allāh ‘anh.

“Barang siapa mendatangi *kahin* lalu ia bertanya kepadanya tentang sesuatu maka tertutuplah pintu taubat daripadanya selama empat puluh malam : Dan jika ia percaya kepada apa yang dikenakan maka “Kafirlah” ia – Maksud hadis riwayat

Tabrānī daripada Waṣīlah raḍī Allāh ‘anh

“Barangsiapa mendatangi *kahin* lalu ia membenarkan apa yang dikatakan olehnya maka terlepaslah daripada apa yang telah diturunkan atas Nabi Muhammad (SAW) dan barangsiapa mendatangi *kahin* dengan membenarkan apa yang dikatakan olehnya maka tidaklah akan diterima sembahyang selama empat puluh malam”-Maksud hadis riwayat Tabrānī daripada Anas Bin Mālik raḍī Allāh ‘anh.

## Penjelasan

Hadis-hadis yang tersebut yang tersebut ini dan lain-lain lagi yang telah dikutip di sini dengan ringkas menunjukkan bahawa orang yang datang *kahin* lalu ia bertanya tentang sesuatu perkara yang datang tidak seharusnya ditanyakan kepadanya kemudian ia percaya kepada yang diterangkan (dikatakannya) maka ia sesungguhnya telah mengkufuri kepada wahyu Al-Quran ; dan jika ia percaya kepada perkataan maka tidak diterima sembahyangnya selama empat puluh hari dan empat puluh malam, dan bermakna juga tidak akan diterima taubatnya selama empat puluh hari dan malam.

Perkataan “mengkufuri” wahyu al-Quran itu maksudnya ialah tidak mempunyai kepercayaan (iman) kepadanya, atau tidak membenarkan lagi kepada ayat-ayat al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad (SAW)– Kerana al-Quran telah penuh dengan ayat-ayat firman Allah subhānahu wa ta‘ālā yang menunjukkan bahawa tidak ada seseorang yang dapat mengetahui tentang ghaib melainkan Allah sahaja. Di antara lain-lain ayat yang bermakna demikian itu ialah maksudnya seperti berikut: Dan pada sisinya (Allah) ada beberapa kunci sifir bendaharaan – Ghaib, tidak ada yang mengetahui selain daripadanya. “ (Surah al-An‘ām, ayat 59)

“Sesungguhnya pada sisi Allah sendiri mengetahui – Bila terjadi hari Kiamat; ia yang mengetahui bila hujan turun; ia yang mengetahui – Anak – yang ada dalam rahim (Kandungan); tidak akan ada seorang pun yang mengerti

apa yang akan terjadi baginya esok pagi; dan

tidak akan ada seorang pun yang akan mengerti di bumi mana ia akan mati, sesungguhnya Allah yang mengetahui akan keadaan sesuatu, lagi yang mengetahui akan dalamnya segala sesuatu” (maksudnya surah Luqmān Ayat 34) .

Itulah di antara ayat menunjukkan bahawa yang mengetahui barang yang ghaib itu hanya Allah jua. Oleh sebab itu kalau orang sebenar-benarnya percaya kepada perkataan tukang sihir dan tidak akan membenarkan bualan si *kahin* yang biasa-suku menyebut-nyebut tentang yang ganjil-ganjil, pura-pura menerangkan barang yang tidak dapat diketahui oleh sesiapa pun daripada makhluk Allah dan pura-pura suka mengatakan peristiwa-peristiwa yang akan datang.

Kalau pun barang yang dikatakan oleh tukang tenung, juru sihir dan tukang tenung (*kahin*) tadi ada juga benarnya maka sepanjang penyelidikan ahli-ahli yang telah dapat membuktikan bahawa kebenarannya tidak dapat dijamin seratus-peratus bahkan kesusahan akan lebih banyak dan dustanya akan lebih besar daripada benarnya.

Berhubung dengan itu maka dapatlah dikatakan bahawa orang Islam yang telah mengaku beriman (percaya) kepada Allah dan percaya kepada Nabi Muhammad itu, akan dapat bahaya, apabila ia percaya kepada perkataan si *kahin* atau tukang tilik itu.

Bahaya kami katakan, kerana jangankan ia sampai percaya kepada perkataanya, sedangkan bertanya sahaja sudah dalam bahaya iaitu sembahyang tidak akan diterima selama empat puluh hari dan tidak akan diterima taubatnya dan permohonan ampunnya kepada Allah selama empat puluh hari pula kalau ia terus menerus percaya kepada *kahin-kahin* dan sentiasa – kalau ada suatu – lalu bertanya kepadanya minta keterangan daripadanya tentang segala sesuatu yang dialaminya. Kemudian sampai datang ajalnya ia masih berbuat demikian maka dengan sendirinya ia mati dan syirik kepada Allah. (Sambungan pada muka 31)